
Penglibatan Ibu Bapa Di Pra Sekolah

Salma Ishak
Sekolah Pengajian Asasi
Universiti Utara Malaysia
Bandar Darulaman, Kedah

TABIKA or Taman Bimbingan Kanak-kanak is a pre-school educational programme organised by KEMAS or Community Development Section of the Ministry of National and Rural Development. The set up of the kindergarten encouraged participation from parents. Nonetheless, parental involvement in the activities of this pre-school programme has not been encouraging.

This article attempts to provide some of the answers. Among the findings:

- (a) Parents are too busy with their work.
- (b) Not enough avenues for parents to participate.
- (c) Complete surrender of responsibility to the teachers.

Pengenalan

Mengikut sejarah, apabila sekolah-sekolah dimulakan dan kehidupan keluarga tidak begitu kompleks, terdapat perhubungan yang rapat di antara sekolah dan rumah, perjiranan, dan masyarakat. Sebelum wujudnya institusi sekolah, keluarga dan rumah merupakan tempat di mana pendidikan asas berlaku dan guru-gurunya terdiri daripada ibu, bapa, datuk, kakak, abang, atau ahli-ahli keluarga yang lain. Dengan tertubuhnya institusi sekolah, fungsi asasnya adalah untuk memberi kanak-kanak pengajaran 3 M -- iaitu Membaca, Menulis dan Mengira. Pendidikan mula diterima daripada sumber yang luar daripada keluarga dan rumah.

Apabila masyarakat menjadi lebih kompleks dan kehidupan keluarga terlibat di dalam aktiviti-aktiviti lain sehingga menimbulkan kurangnya peluang untuk mendidik kanak-kanak, corak institusi sekolah turut berubah. Fungsi sekolah tidak lagi terhad kepada menyampaikan ilmu di dalam bidang 3M sahaja tetapi meliputi bidang-bidang lain seperti sosialisasi dan perkembangan moral yang mana dahulunya dianggapkan sebagai tanggungjawab keluarga (Hess & Croft, 1972). Kebanyakan daripada tunjuk ajar yang diberikan oleh ibu bapa di rumah kini diambil alih oleh guru-guru dan dijalankan di sekolah.

Mengikut Leeper, et al. (1974), kedua-dua pihak, iaitu pihak prasekolah dan pihak keluarga, mempunyai fungsi yang penting di dalam pendidikan kanak-kanak. Telah disedari bahawa pihak prasekolah sangat bergantung kepada sokongan dan penglibatan ibu bapa untuk menghasilkan kesan yang positif daripada pendidikan di peringkat awal (Evans, 1975; Honig, 1975; Leeper, et al. 1974; Schickedanz, 1977). Jika ditinjau semula sejarahnya, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di peringkat awal telah disarankan di dalam penulisan ahli-ahli falsafah dan pendidikan awal seperti Comenius, Pestalozzi dan Froebel (Spodek, 1972). Apabila pendidikan prasekolah berkembang dengan pesatnya di Great Britain dan Amerika Syarikat, penglibatan ibu bapa terus menjadi satu komponen yang penting di dalam pendidikan di peringkat itu. Malahan kebanyakan daripada program-program prasekolah yang ditubuhkan di waktu itu adalah hasil daripada usaha-usaha ibu bapa sendiri.

Di negara ini, program pendidikan prasekolah dikendalikan oleh berbagai agensi, sama ada ianya agensi kerajaan, separa kerajaan, ataupun swasta. Walau bagaimanapun, Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar merupakan salah sebuah agensi kerajaan yang memberi penekanan ke atas penglibatan ibu bapa dan masyarakat umum di dalam program pendidikan prasekolah di bawah anjurannya. Bahagian Kemajuan Masyarakat melaksanakan program untuk meninggikan taraf kehidupan masyarakat luar bandar menerusi tiga bidang pendekatan, iaitu (Haji Shahadan, hal. 5):

- (1) pembangunan masyarakat,
- (2) pendidikan masyarakat, dan
- (3) perkhidmatan masyarakat.

Pertubuhan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) KEMAS merupakan satu aktiviti bagi tujuan memperbaiki mutu kehidupan keluarga dan masyarakat serta taraf kehidupan luar bandar.

Latarbelakang Kajian

Pelaksanaan Tabika-Tabika berdasarkan penglibatan yang aktif daripada ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya merupakan strategi untuk mencapai hasrat yang tersebut di atas. Dari aspek bentuk penglibatan, "... masyarakat bukan sahaja digalakkan untuk menyertai dalam pentadbiran TBK, bahkan mereka juga dibimbing untuk mengetahui konsep berkaitan dengan bimbingan kanak-kanak dan cara-cara menyediakan makanan tambahan yang seimbang semoga kesihatan kanak-kanak itu lebih terjamin" (Haji Shahadan, hal. 19). Selain daripada itu, masyarakat juga digalakkan memberi kerjasama dalam persediaan alat-alat bantu dan alat-alat permainan untuk kegunaan di TABIKA, serta dengan secara tidak langsung disedarkan tentang keperluan pembelajaran anak-anak mereka.

Untuk meninjau sejauh mana pelaksanaan Tabika-Tabika boleh memberi sumbangan ke arah objektif KEMAS untuk meninggikan taraf kehidupan

keluarga luar bandar, satu kajian telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat berhubung dengan beberapa aspek penglibatan ibu bapa. Khususnya, kajian ini mempunyai objektif-objektif berikut:

- (1) Untuk mengetahui sama ada wujudnya atau tidak komponen penglibatan ibu-bapa di Tabika KEMAS.
- (2) Untuk mengetahui apakah bentuk-bentuk penglibatan ibu bapa yang diamalkan.
- (3) Untuk mengetahui sebab-sebab, jika penglibatan ibu bapa tidak dilaksanakan.

Pemilihan sampel telah dijalankan mengikut dua peringkat. Pada peringkat pertama, pemilihan sebanyak 100 buah Tabika telah dilakukan daripada senarai yang mengandungi 69 buah Tabika di Wilayah Persekutuan dan 203 buah Tabika di negeri Selangor Darul Ehsan. Pada peringkat kedua, pemilihan kanak-kanak dibuat daripada setiap Tabika yang terpilih. Sampel untuk kajian ini terdiri daripada ibu bapa kepada anak-anak yang terpilih ini. Kerjasama pemaju-pemaju Masyarakat telah diperolehi untuk menghubungi ibu bapa kepada kanak-kanak yang terpilih supaya mereka hadir untuk ditemubual. Temubual telah dijalankan secara individu di antara penemubual dan ibu atau bapa. Seramai 14 orang penemubual telah menjalankan temubual dalam jangka masa dua minggu.

Latarbelakang Responden

Daripada seramai 939 orang yang terlibat di dalam kajian ini, seramai 280 orang terdiri daripada ibu bapa di Tabika-tabika KEMAS di Wilayah Persekutuan dan 659 orang daripada Tabika-tabika KEMAS di Negeri Selangor. Seramai 684 orang daripada responden terdiri daripada ibu-ibu, sementara seramai 255 orang adalah kaum bapa.

Dari segi latarbelakang keluarga responden, didapati bahawa kebanyakan daripada ibu-ibu (63.8 peratus) dan bapa-bapa (53.8 peratus) berumur kurang daripada 35 tahun (Jadual 1). Bagi taraf pendidikan yang paling tinggi, seramai 62.6 peratus daripada ibu dan seramai 59.6 peratus daripada bapa tidak sampai ke Tingkatan 3. Sebahagian besar (77.5 peratus) daripada ibu-ibu adalah surirumah. Bagi bapa-bapa pula, hampir setengah daripada mereka (43.2 peratus) bekerja sebagai pegawai kerajaan.

Daripada Jadual 2, didapati keluarga yang mempunyai seramai lebih daripada 4 orang anak merupakan kumpulan yang paling besar, iaitu seramai 34.2 peratus. Jika dilihat bilangan anak yang belum bersekolah, seramai 68.2 peratus daripada responden mempunyai seorang atau dua orang anak yang belum bersekolah.

Di kalangan keluarga yang mempunyai anak yang belum pergi ke sekolah rendah, seramai 93.0 peratus mempunyai seorang anak yang sedang berada di Tabika, seramai 55.4 peratus mempunyai pengalaman kurang daripada 1 tahun sementara seramai 40.4 peratus telah berada selama di antara 1 hingga 2 tahun.

Jadual 1: Taburan Umur Ibu Bapa

Umur	Ibu	Bapa
Kurang daripada 30 Tahun	320 (34.1)	211 (22.5)
31 - 35 Tahun	279 (29.7)	294 (31.5)
36 - 40 Tahun	159 (16.9)	202 (21.5)
41 - 45 Tahun	88 (9.4)	115 (12.3)
Lebih daripada 45 Tahun	80 (8.5)	97 (10.3)
Tiada Jawapan	13 (1.4)	20 (2.1)
Jumlah	939 (100.)	939 (100.0)

Jadual 2: Bilangan Anak Di Dalam Keluarga

Bilangan Anak	Bilangan	Peratus
1 Orang	25	2.7
2 Orang	178	18.9
3 Orang	227	24.2
4 Orang	188	20.0
Lebih Daripada 4 orang	321	34.2
Jumlah	939	100.0

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Bentuk-bentuk penglibatan ibu bapa yang diamalkan.

Walaupun pendapat ibu bapa adalah positif terhadap penglibatan ibu bapa di dalam pendidikan kanak-kanak di peringkat prasekolah, tetapi amalan mereka adalah sebaliknya. Didapati seramai 93.1 peratus menyatakan penglibatan ibu bapa adalah perlu, tetapi hanya seramai 30.6 peratus daripada mereka ada terlibat di dalam aktiviti-aktiviti Tabika anak-anak mereka (Jadual 3).

Bagi mereka yang ada melibatkan diri, bentuk aktiviti dan kekerapannya dapat dilihat di dalam Jadual 4. Daripada dua belas perkara yang dikemukakan, empat bentuk penglibatan yang paling kerap terdapat di kalangan ibu bapa di dalam kajian ini ialah:

- (i) Berjumpa dengan guru untuk berbincang tentang anak.
- (ii) Berjumpa dengan ibu bapa lain untuk membincangkan tentang Tabika atau tentang anak-anak yang pergi ke Tabika..

Jadual 3: Penglibatan Di Dalam Aktiviti Tabika.

Penglibatan	Bilangan	Peratus
Ya	287	30.6
Tidak	651	69.3
Tiada Jawapan	651	69.3
Jumlah	939	100.0

Sungguhpun perkara-perkara di atas merupakan empat bentuk penglibatan yang paling kerap diamalkan, didapati kekerapan penglibatan ini lebih berpusat kepada "kadang-kadang". Ini bermakna, apabila sekali sekala ibu bapa ini melibatkan diri mereka, empat bentuk penglibatan yang tersebut di atas merupakan pilihan mereka.

2. Komponen Penglibatan Ibu Bapa di Tabika

Bagi pihak ibu bapa, menghantar anak ke Tabika dan mengambil anak dari Tabika merupakan satu langkah permulaan untuk merapatkan diri mereka dan seterusnya mengetahui dan memahami apa yang berlaku di situ. Ini juga memberi peluang kepada mereka untuk berjumpa dan mengenali guru dan kakitangan Tabika yang lain serta ibu bapa lain. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada responden tidak mengambil kesempatan untuk membuat kontak dengan Tabika, anak-anak mereka pergi sendiri ke Tabika (36.4 peratus) dan balik sendiri dari Tabika (45.7).

Jadual 4: Bentuk Aktiviti Penglibatan Ibu Bapa

Aktiviti	Selalu (1)	Kadang-kadang (2)	Tidak Pernah (3)	Tiada Jawapan	Skor Purata	Pangkat
Berjumpa dengan guru untuk berbincang tentang anak.	89 (30.9)	138 (47.9)	61 (21.2)	0	1.90	1
Membantu guru dalam menyediakan/membuat alat bantu mengajar/alat permainan	15 (5.2)	68 (23.6)	205 (71.2)	0	2.66	7.5
Membantu guru mengajar di dalam kelas	6 (2.1)	12 (4.2)	270 (93.7)	0	2.92	12
Membantu guru dalam menyediakan makanan dan minuman kanak-kanak	14 (4.9)	59 (20.5)	215 (74.6)	0	2.70	9
Mengikuti lawatan bersama kanak-kanak	15 (5.2)	54 (18.8)	219 (76.0)	0	2.71	10
Menjaga kebersihan dalam kelas	23 (8.0)	94 (32.6)	179 (59.4)	0	2.60	6
Menjaga kebersihan sekitar Tabika	24 (8.3)	131 (45.5)	133 (46.2)	0	2.44	4
Menghadiri ceramah tentang Tabika	25 (8.7)	152 (52.8)	111 (38.5)	0	2.30	3
Menghadiri bengkel tentang Tabika	12 (4.2)	20 (6.9)	254 (88.2)	2 (0.7)	2.85	11
Berjumpa dengan ibu bapa lain untuk membincangkan tentang Tabika atau tentang anak-anak yang pergi ke Tabika	69 (24.0)	163 (56.6)	55 (19.1)	1 (0.3)	1.95	2
Bersama guru dan ibu bapa lain membuat alat permainan untuk digunakan di rumah	14 (4.9)	70 (24.3)	204 (70.8)	0	2.66	7.5
Bersama-sama dengan guru mengajar anak menggunakan alat permainan di rumah	21 (7.3)	79 (27.4)	188 (65.3)	0	2.85	5

Jadual 5: Cara Anak Pergi Ke Tabika Dan Balik Dari Tabika

Cara	Pergi	Balik
Bersama Ibu	267 (28.4)	223 (23.7)
Bersama Bapa	162 (17.3)	116 (12.7)
Bersama Ibu dan Bapa Sendiri	22 (2.3)	23 (2.4)
Bersama Orang Lain	342 (36.4)	429 (45.7)
Tiada Jawapan	1 (0.1)	1 (0.1)
	939 (100.0)	939 (100.0)

Dari aspek pengalaman dengan Tabika, ini merupakan kali pertama bagi sebahagian besar daripada ibu bapa ini terdedah kepada Tabika. Seramai 55.8 peratus mempunyai anak di Tabika selama kurang daripada satu tahun, sementara seramai 60.6 peratus tidak pernah menghantar anak ke Tabika sebelum ini. Begitu juga dengan pendedahan mereka kepada Tabika melalui keahlian di dalam Jawatankuasa, sama ada Jawatankuasa Kampung ataupun Jawatankuasa Tabika. Ahli-ahli masyarakat, terutamanya ibu bapa, diberi peluang oleh pihak KEMAS untuk menyuarakan pendapat serta keperluan mereka di dalam pendidikan anak-anak melalui keahlian di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan. Walau bagaimanapun, semasa kajian ini dijalankan, terdapat hanya sebilangan kecil (13.8 peratus) daripada ibu bapa yang memegang jawatan di dalam Jawatankuasa Kampung. Bagi mereka yang tidak memegang jawatan pada masa kajian ini, hanya seramai 7.9 peratus sahaja yang pernah memegang jawatan di dalam Jawatankuasa Kampung sebelum ini. Begitu juga dengan sumbangan mereka di dalam Jawatankuasa Tabika, di mana hanya seramai 8.6 peratus sahaja ada memegang jawatan semasa kajian ini dijalankan. Di kalangan mereka yang tidak memegang jawatan di dalam Jawatankuasa Tabika pada masa kajian ini, hanya seramai 2.7 peratus sahaja yang pernah berbuat demikian sebelum ini (Jadual 6 dan 7).

Jadual 6 : Memegang Jawatan Pada Masa Ini

	Jawatankuasa Kampung	Jawatankuasa Tabika
Ya	130 (13.8)	81 (8.6)
Tidak	809 (86.2)	856 (91.2)
Tiada Jawapan	0 (0)	2 (0.2)
Jumlah	939 (100.0)	939 (100.0)

Jadual 7: Memegang Jawatan Sebelum Ini

	Jawatankuasa Kampung	Jawatankuasa Tabika
Ya	64 (7.9)	23 (2.7)
Tidak	745 (92.1)	833 (97.3)
Jumlah	809 (100.0)	856 (100.0)

3. Sebab-sebab yang menghalang penglibatan ibu bapa

Ada banyak perkara yang menyebabkan tiadanya penglibatan ibu bapa di prasekolah. Ianya boleh timbul daripada pihak ibu bapa itu sendiri atau pun daripada pihak prasekolah. Daripada seramai 69.3 peratus ibu bapa yang tidak melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti di Tabika anak-anak, sebab-sebab yang diberikan adalah seperti di dalam Jadual 8.

Daripada enam perkara yang dikemukakan kepada mereka, "Tidak ada masa" mendapat persetujuan yang paling kerap (76.3 peratus) daripada ibu bapa sebagai sebab mengapa mereka tidak melibatkan diri. Peluang dan galakan yang diberikan oleh pihak guru dan KEMAS terhadap penglibatan ibu bapa juga merupakan faktor yang menyebabkan ibu bapa ada atau tidak ada melibatkan diri mereka di dalam pendidikan prasekolah anak-anak mereka. Didapati seramai 52.7 peratus menyatakan tiada galakan daripada pihak KEMAS dan seramai 44.7 peratus menyatakan tiada peluang daripada pihak guru.

Jadual 8 : Sebab-Sebab Ibu Bapa Tidak Melibatkan Diri

Sebab-Sebab	Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Tidak Jawapan
Tidak ada masa	497 (76.3)	151 (23.2)	3 (0.5)
Tempat tinggal jauh dari Tabika	151 (23.2)	497 (76.3)	3 (0.5)
Tidak mempunyai minat	118 (18.1)	527 (81.0)	6 (0.9)
Mengajar kanak-kanak di Tabika adalah Tanggungjawab guru	377 (57.9)	270 (41.5)	4 (0.9)
Tidak diberi peluang oleh Pemaju Masyarakat	291 (44.7)	220 (33.8)	140(21.5)
Tidak digalakkan oleh pihak KEMAS	343 (52.7)	2994 (45.2)	14(21.1)

Di kalangan ibu bapa yang tidak melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti di Tabika anak-anak mereka, sebilangan besar (81.0 peratus) tidak bersetuju yang mereka bersifat begitu disebabkan mereka tidak berminat. Ini disokong oleh dapatan yang menunjukkan bahawa sebahagian besar (76.4 peratus) menyatakan keinginn ini timbul daripada diri mereka sendiri. Hanya seramai 21.9 peratus yang menyatakan guru sebagai sumber desakan untuk mereka melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti di Tabika. Begitu juga, dapatan ini adalah selaras dengan pendapat mereka tentang siapa yang patut mengambil langkah pertama dalam usaha ini. Seramai 59.3 peratus merasakan yang mereka sendiri bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang pertama, sementara seramai 36.3 peratus menganggapkannya sebagai tanggungjawab guru. Kesanggupan mereka melibatkan diri juga ditunjukkan apabila seramai 76.3 peratus menyatakan tempat tinggal tidak menjadi masalah kepada mereka.

Penutup

Hasil kajian menunjukkan penglibatan ibu bapa adalah tidak begitu memuaskan walaupun pendapat mereka terhadap penglibatan ibu bapa adalah positif. Di kalangan sebilangan yang kecil yang ada melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti di Tabika-tabika anak mereka, kebanyakan daripada bentuk penglibatan itu adalah dalam hal-hal yang tidak memerlukan sumbangan yang aktif daripada mereka. Selain daripada itu, apabila aktiviti-aktiviti penglibatan itu dijalankan, ianya diamalkan dengan kekerapan yang lebih bersifat sekali-sekala.

Faktor utama yang dipersetujui oleh sebilangan yang besar daripada ibu bapa sebagai sebab yang mereka tidak melibatkan diri ialah masa. Lain-lain sebab yang dipersetujui oleh mereka ialah kepercayaan mereka bahawa mengajar di prasekolah adalah tanggungjawab guru serta tiada galakan daripada pihak KEMAS dan tiada peluang yang disediakan oleh pihak guru.

Guru hendaklah mengambil kesempatan untuk memulakan dan menjayakan aktiviti-aktiviti penglibatan ibu bapa sebab ibu bapa memang berminat dan sedar tentang pentingnya komponen ini. Guru boleh mendapatkan kerjasama ibu bapa untuk merancang strategi-strategi supaya masalah boleh diatasi. Di dalam kehidupan seharian mereka, selain daripada menyempurnakan tanggungjawab mereka dalam memberi asuhan dan didikan kepada anak-anak, ibu bapa juga perlu melaksanakan tugas-tugas lain, sama ada di rumah ataupun di luar rumah. Walau bagaimanapun, ibu bapa perlu melapangkan masa untuk bekerjasama dengan pihak Tabika serta memberi sumbangan mereka bagi menjayakan program penglibatan ibu bapa demi untuk kebaikan anak-anak mereka.

Rujukan

- Community Development Division. *Preschool Children's Centre: A Community Development Programme of the Ministry of National and Rural Development, Malaysia*. Kuala Lumpur, no date.
- Donachy, W. Parent Participation in Pre-School Education. *British Journal of Educational Psychology*, 46, 1976, 31- 39.
- Evans, Ellis D. *Contemporary Influences in Early Childhood Education*. New York: Holt, Rinehart and Winston, 1975.
- Gordon, Ira J. Parenting, Teaching, and Child Development. *Young Children*, 1976. 31 (3), Mac 1976, hal. 173 - 183.
- _____. Toward a Home-School Partnership Program. Dalam Ira J. Gordon and William F. Breivogel (Eds). *Building Effective Home School Relationships*. Boston: Allyn and Bacon, Inc., 1976., 1 - 20.

- Haji Shahadan Haji Abdul Manas. Peranan dan Rancangan KEMAS Dalam Pembangunan Masyarakat. Kuala Lumpur, 1981.
- Hess, Robert D. and Croft, Doreen J. *Teachers of Young Children*. New York: Houghton Mifflin Company, 1972.
- Honig, Alice S. Parent Involvement in *Early Childhood Education*. Washington, D.C.: National Association for the Education of Young Children, 1975.
- _____. Parent Involvement in Early Childhood Education. Dalam Bernard Spodek (Ed.), *Handbook of Research in Early Childhood Education*. New York: The Free Press, 1982, 426 - 455.
- Hymes, James L., Jr. *Effective Home School Relationships*. Sierra Madre, California: Southern California Association for the Education of Young Children, 1974.
- Leeper, Sarah Hammond; Dales, J.: Skipper, Dora Sikes, and Witherspoon Ralph L. *Good Schools for Young Children*. New York: MacMillan, Inc., 1974.
- Schaefer, Earl S. "Parents as Educators: Evidence from Cross-Sectional, Longitudinal and Intervention Research". *Young Children* Vol. 27 (4), April 1972. hal. 227 - 239.
- Schickedanz, Judith A. "Parents, Teachers, and Early Education", dalam Barry Persky and Leonard Golubchick (eds), *Early Childhood Education*. Wayne, New Jersey: Avery Publishing Group, Inc., 1977, hal. 331- 333.
- Spodek, Bernard. *Teaching in the Early Years*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 1972.
- White, Burton. "Reassessing Our Educational Priorities", dalam Barry Persky and Leonard Golubchick (eds), *Early Childhood Education*. Wayne, New Jersey: Avery Publishing Group, Inc., 1977, hal. 11 - 16.